



محلیش کامبیز لامنگان عادت پهلوی شکایت  
امانة  
دارالاجان  
 مجلس اسلام و ادات ملايو ترڠڬانو

**MAIDAM**  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

KELUARAN 1/2023  
TARIKH KELUARAN

# TERBELAKAH **ASNAF** DI TERENGGANU?

Agihan Zakat Melalui Pelbagai Skim Bantuan



- > Skim Potongan Zakat Berjadual (SKIM PZB).
- > Dapatkan Borang Dan Nikmati Rebat Cukai 100%

Agihan Zakat  
Mengikut Asnaf

MS 1

Agihan Zakat  
5 Tahun

MS 3

Konvoi Agihan  
Hak Asnaf (KAHA)

MS 4

## AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF TAHUN 2022

FAKIR

**RM 23,719,554.64**

MISKIN

**RM 123,542,724.72**

AMIL

**RM 32,443,225.77**

MUALLAF

**RM 7,6125,254.51**

AR RIQAB

**RM 301,500.00**

AL GHARIMIN

**RM 6,327,860.90**

FISABILILLAH

**RM 34,083,999.66**

JUMLAH

**RM 296,544,120.20**

## AGIHAN ZAKAT MENGIKUT KATEGORI TAHUN 2022



BANTUAN KEWANGAN & BULANAN  
**RM 50.4 JUTA**



BANTUAN MUALLAF  
**RM 7.2 JUTA**



BANTUAN PENDIDIKAN  
**RM 39.3 JUTA**



BANTUAN SEKOLAH/NGO  
**2.7 JUTA**



BANTUAN KHAS  
**24 JUTA**

BANTUAN RAMADAN  
**RM 10.4 JUTA**



BANTUAN MODAL  
**RM 593 RIBU**



BANTUAN PERUBATAN  
**10 JUTA**



BANTUAN TEMPAT TINGGAL  
**4.5 JUTA**




BANTUAN BANJIR  
**RM 5.8 JUTA**



**JUMLAH  
RM 202.2 JUTA**

# AGIHAN 5 TAHUN

## AGIHAN ZAKAT PRESTASI AGIHAN ZAKAT TAHUN 2018-2022



# KONVOI AGIHAN HAK ASNAF (KAHA 2022)

30 Oktober 2022 Kuala Terengganu - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) menerusi program Konvoi Agihan Hak Asnaf (KAHA) 2022 telah mengagihkan wang zakat kepada 26,826 keluarga dalam kalangan asnaf fakir dan miskin di Terengganu. Bayaran wang tunai sekali bayar tersebut melibatkan peruntukan lebih daripada RM23.6 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, Profesor Madya Dr Ahmad Azrin Adnan berkata, setiap keluarga isi rumah (KIR) asnaf menerima antara RM800 hingga RM1,000 bergantung kepada tanggungan keluarga bagi membantu meringankan beban golongan terbabit yang terkesan dengan peningkatan kadar inflasi dan kenaikan harga barang.

"Isi rumah yang mempunyai tiga orang ke bawah menerima bantuan tunai sebanyak RM800 melibatkan 15,713 KIR manakala bantuan tunai RM1,000 melibatkan 11,113 KIR pula diberikan kepada isi rumah seramai sekurang-kurangnya empat orang.

"Program agihan secara berkonvoi ini adalah julung kali diadakan serentak di seluruh negeri. Bagusnya program kali ini kerana kita melibatkan sama pembayar zakat yang turut berkonvoi bagi bersama-sama MAIDAM mengagihkan bantuan secara terus ke rumah penerima bantuan.





# Keratan Akhbar

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah melakukan penyerahan kunci rumah baharu kepada Asmadi Abdullah, 47 tahun dan keluarga. Beliau bekerja sebagai kelindan lori, dikurniakan penyeri rumah tangga 3 orang anak dan masih bersekolah semuanya. Sebelum ini mereka menetap di rumah sewa dengan kadar bayaran RM350 sebulan. Alhamdulillah dengan adanya masyarakat Terengganu yang menuaikan ibadah zakat, Asmadi mendapat sebuah rumah baharu untuk kehidupan yang lebih selesa.

Penyerahan tersebut disempurnakan oleh wakil syarikat pembayar zakat, Haji Abdul Halim Yusof, Pengurus Besar Permintaan Granite Sdn Bhd disaksikan oleh Prof Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM pada 12 Oktober 2022 baru-baru ini. Bagai bulan jatuh ke riba, indahnya Islam, seluruh ummah dapat menumpang teduh, merasai ketenangan dan kebahagiaan.



13 Disember 2022 Kuala Terengganu - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan kerjasama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM) dan Persatuan Pesakit Buah Pinggang Terengganu (PPBPT) berjaya mewujudkan sebuah pusat hemodialisis yang dinamakan Pusat Hemodialisis Wakaf Terengganu.

Pusat tersebut dibina atas tanah dan bangunan yang diwakafkan oleh salah seorang ahli korporat iaitu Dato' Haji Khalid bin Mat Zin pada tahun 2010. Pembelian mesin-mesin dialisis sebanyak 7 unit adalah menggunakan dana sumbangan wakaf tunai oleh orang ramai berjumlah RM70,140.00.

Yang Dipertua MAIDAM, YB Dato' Shaikh Harun Shaikh Ismail turut memaklumkan bahawa MAIDAM membelanjakan lebih RM1 juta setahun bagi membantu pesakit buah pinggang di kalangan asnaf mendapatkan rawatan dialisis secara percuma di seluruh negeri. Beliau menambah, ia mampu memberi manfaat kepada 408 pesakit golongan asnaf mendapatkan rawatan dialisis.

"Kita harap pembukaan pusat dialisis baru ini mampu membantu lebil ramai pesakit buah pinggang mendapatkan rawatan dialisis secara percuma terutama golongan asnaf," katanya.

Beliau berkata demikian selepas perasmian pembukaan Pusat Hemodialisis Wakaf Terengganu di Kampung Baroh Che Miah, Jalan Sultan Omar di sini, hari ini. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif BKRM, Dr Mohammad Hanis Osman dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, Prof Madya Dr Ahmad Azrin Adnan. Sehingga kini sebanyak empat pusat hemodialisis wakaf telah beroperasi iaitu di Besut, Dungun, Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.

Beliau berkata, pihaknya juga bercadang mahu membina pusat hemodialisis wakaf di Kerteh, Kemaman yang membabitkan kos sebanyak RM1 juta pada tahun hadapan. "Kita harap pusat hemodialisis yang diwujudkan bukan saja dapat membantu golongan asnaf dan tidak berkemampuan tetapi memberi manfaat kepada semua golongan di seluruh negeri ini."

"Pesakit golongan asnaf diberikan rawatan secara percuma manakala golongan berkemampuan akan dikenakan sedikit bayaran dan pusat baharu dibuka di Kuala Terengganu mampu menampung seramai 18 pesakit buah pinggang sehari," katanya.



# Keratan Akhbar

KUALA TERENGGANU 26 Disember 2022 bersamaan 02 Jamadilakhir 1444 - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) berbesar hati menyumbangkan RM 2 juta menerusi peruntukan Zakat sifin al-Gharimin untuk bantuan kepada mangsa banjir di negeri Terengganu.

Yang Berhormat Mulia Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Terengganu telah sudi menerima sumbangan tersebut yang diserahkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail, Yang Dipertua MAIDAM dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

Antara tujuan sumbangan tersebut adalah untuk meringankan beban mereka yang ditimpa musibah banjir agar dapat memulihkan kehidupan seperti biasa. Majlis penyerahan itu disaksikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin bin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Encik Abd. Razak bin Abd. Rahman, Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Mal) MAIDAM dan Ustaz Nazli Amirri bin Ngah, Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Zakat) MAIDAM.



15 Disember 2022 Kuala Terengganu - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) meneruskan agenda amalan integriti dan pencegahan rasuah dengan melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu bagi tahun 2022-2026.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan perasmianya oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Turut serta bagi memeriahkan majlis pelancaran tersebut ialah YB Dato' Haji Shaikh Harun Shaikh Ismail, Yang DiPertua MAIDAM, YBrs Prof Madya Dr Ahmad Azrin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, Tuan Zainal Ayop, Timbalan Pengarah Operasi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu dan Puan Afniq Aini Alwi, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK.

Hari ini yang juga Hari Integriti MAIDAM turut diadakan satu sesi ceramah yang bertajuk "Pengukuhkan Integriti Dalam Memahami Tatacara Pencegahan Rasuah Melalui Sistem Kawalan Dalaman" yang disampaikan oleh Encik Mohd Hanafi Abd Rahim, Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Terengganu. Majlis ini telah dihadiri seramai 167 orang peserta yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MAIDAM serta warga kerja MAIDAM.

OACP MAIDAM dirangka bagi memastikan MAIDAM dapat menuaikannya segala amanah dengan penuh iltizam, berintegriti, berdaya saing, telus, amanah serta patuh syariah seiring dengan peningkatan akauntabiliti dan seterusnya dapat membendung gejala rasuah di kalangan kakitangan.

## **AGIHAN SEMASA**

**RM31 JUTA BANTUAN SARA HIDUP TELAH DIAGIHKAN KEPADA  
16 RIBU PENERIMA SELURUH TERENGGANU  
DARI 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2022**

<b>DAERAH</b>	<b>PENERIMA</b>	<b>JUMLAH</b>
K. TERENGGANU	5,347	10,940,000.00
KUALA NERUS	4,154	8,504,060.00
MARANG	3,773	7,547,000.00
DUNGUN	1,782	3,016,300.00
HULU TERENGGANU	1,373	2,870,500.00
KEMAMAN	3,084	6,676,520.00
SETIU	313	489,500.00
BESUT	553	952,500.00
<b>JUMLAH</b>		<b>JUMLAH</b>
20,379		40,996,380.00

# WAKAF PROJEK MAIDAM

## PROJEK IMPAK

- ① Mengurangkan jumlah pesakit dalam senarai menunggu.
- ② Memberi rawatan dialysis yang lebih baik kepada pesakit yang ada dan yang baru.
- ③ Menbantu golongan kurang bernasib baik dalam meningkatkan kesihatan mereka dan kos yang lebih rendah.

## KAEDAH BERWAKAF

Akaun Wakaf Kerjasama  
**MAIDAM dan Bank Rakyat**  
Nombor Akaun : 1100075167



# PENGURUSAN HARTA

## SENARAI PREMIS MAIDAM YANG MASIH KOSONG (JANUARI 2023)

### PREMIS PENTADBIRAN

#### DAERAH KUALA TERENGGANU

BIL	LOT PREMIS	ANGARAN KADAR SEWA
1	TINGKAT 3, WISMA MAIDAM, JALAN BANGGOL, KUALA TERENGGANU <a href="https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7">https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7</a>	RM 10,000.00
2	TINGKAT 8, WISMA MAIDAM, JALAN BANGGOL, KUALA TERENGGANU <a href="https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7">https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7</a>	RM 7,000.00
3	TINGKAT 9, WISMA MAIDAM, JALAN BANGGOL, KUALA TERENGGANU <a href="https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7">https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7</a>	RM 8,000.00
4	TINGKAT 10, WISMA MAIDAM, JALAN BANGGOL, KUALA TERENGGANU <a href="https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7">https://goo.gl/maps/YYtcKmpil5Jz4iP7</a>	RM 9,000.00
5	LOT 2009, C1 DAN C3 JALAN PEJABAT, MUKIM BANDAR, KUALA TERENGGANU, TINGKAT 2 DAN 3 <a href="https://goo.gl/maps/FB1YGioSqRX7dsZdA">https://goo.gl/maps/FB1YGioSqRX7dsZdA</a>	RM 2,500.00
6	470 D, TINGKAT 2, JALAN KAMARUDIN, KUALA TERENGGANU <a href="https://goo.gl/maps/uN6JRa46mATT7exv8">https://goo.gl/maps/uN6JRa46mATT7exv8</a>	RM 623.00
7	237, TINGKAT 3, KG. LADANG, KUALA TERENGGANU <a href="https://goo.gl/maps/ddbVP4KwcrpLgn0i6">https://goo.gl/maps/ddbVP4KwcrpLgn0i6</a>	RM 500.00
8	TINGKAT 3, TAMAN SERI INTAN, KUALA TERENGGANU <a href="https://goo.gl/maps/PsTUGvWvBhscZJ67A">https://goo.gl/maps/PsTUGvWvBhscZJ67A</a>	RM 500.00

#### DAERAH KEMAMAN

BIL	LOT PREMIS	ANGARAN KADAR SEWA
1	LOT 9282, TINGKAT 1 & 2, JALAN KG. GELUGOR, BANGUNAN MAIDAM KERTEH, KEMAMAN <a href="https://goo.gl/maps/MxDm2lyEc2Tmk5zG9">https://goo.gl/maps/MxDm2lyEc2Tmk5zG9</a>	RM 600.00 RM 700.00
2	278 K, TINGKAT 1, JALAN KG. TENGAH, KEMAMAN <a href="https://goo.gl/maps/vynBg1D4Z7xxGy999">https://goo.gl/maps/vynBg1D4Z7xxGy999</a>	RM 800.00

### PREMIS SUMBER AM (BAITULMAL)

#### DAERAH DUNGUN

BIL	LOT PREMIS	ANGARAN KADAR SEWA
1	LOT 2713 GM 1087, TINGKAT 1, JALAN NIBONG, DUNGUN <a href="https://goo.gl/maps/znnAn1bcfLGUXTPaA">https://goo.gl/maps/znnAn1bcfLGUXTPaA</a>	RM 1,000.00

## Berzakat Secara Online

**ezakat.maidam.gov.my**



QR CODE EZAKAT



**Kaedah Pembayaran Zakat Yang Lebih  
MUDAH, SELAMAT, CEPAT DAN  
MESRA PENGGUNA**



*"Jangan Lupa Bayar Zakat"*